
| | |
|-----------|---|
| Title | Mencari Melayu dalam analisis wacana kritis, retorik, semiotik dan kesantunan |
| Author(s) | Sanat Md. Nasir |
| Source | <i>Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 3 bertemakan "Memeluk akar menyuluh ke langit: Budaya", Singapura, 14-16 Julai 2006</i> |

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

MENCARI MELAYU DALAM ANALISIS WACANA KRITIS, RETORIK, SEMIOTIK DAN KESANTUNAN

SANAT MD.NASIR

PENDAHULUAN

Melayu baik dari segi legal, kultural mahupun religi dikaitkan dengan Islam. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan syarat menjadi Melayu hendaklah beragama Islam. Melayu dalam bentuk kon yang terbalik menjadi induk di Semenanjung dengan bersendikan Islam yang berkembang sejak abad ke-9 di alam Melayu. Kedatangan Islam merubah lanskap pemikiran dan sosiobudaya masyarakat Melayu dan seterusnya menjadi unsur nilai yang dominan dalam perilaku masyarakat Melayu. Kedatangan agama wahyu itu memberikan rupa sebagai zaman baru, iaitu yang merujuk kepada keutamaan akal dan makna diri. Malah, dalam studi tentang Melayu, asas pentakrifan ilmu cenderung untuk melihat perspektif tersebut, iaitu sumbangan Islam dalam pelbagai disiplin ilmu. Jika ditilik dari sudut religi, surah Al-Hujurat (49), ayat 13, Adz-Dzariyat (51), ayat 56 dan surah Ar-Rum (30), ayat 22 menjelaskan ciptaan manusia berbangsa-bangsa untuk mengenali mereka lalu mentaati Allah dan sebagai tanda kemahabesaran-Nya. Oleh itu, Melayu sebagai bangsa terbukti bertunjangan Islam dalam tiga ranah tersebut. Untuk mencari Melayu bermaksud antara lain mencari Islam.

TATABAHASA WACANA MEGA

Model Analisis Wacana Kritis yang dipelopori oleh Fairclough (1992, 1995, 2001&2003 mengemukakan Model

Konsepsi Tiga Dimensi Wacana, iaitu Teks, Amalan Diskursif dan Amalan Sosial. Sebelum itu, iaitu dalam buku edisi pertama 1989, beliau (2001:21) mengemukakan wacana sebagai amalan sosial yang mengandungi tiga dimensi, iaitu teks, interaksi dan konteks. Menurut beliau bahawa dalam melihat bahasa sebagai wacana dan sebagai amalan sosial, seseorang itu bukan sahaja perlu menganalisis teks dan proses pengeluaran dan interpretasi, bahkan perlu menganalisis hubungan antara teks, interaksi dan konteks. Model Konsepsi Tiga Dimensi Wacana Fairclough diperincikan lebih lanjut dari segi tumpuan kepada aspek sosial seperti teks sebagai unsur peristiwa sosial, urutan wacana sebagai unsur linguistik jaringan amalan sosial dan bahasa sebagai unsur sosial di semua peringkat tetapi secara khusus merujuk kepada struktur sosial. Amalan sosial dianggap sebagai perantara antara struktur sosial dengan peristiwa sosial. Amalan ini dilihat sebagai artikulasi jenis unsur sosial yang berbeza yang dikaitkan dengan medan tertentu dalam kehidupan sosial. Beliau (2003:25-26) menekankan bahawa amalan sosial ini mengartikulasikan wacana dengan unsur sosial yang bukan wacana. Unsur yang diartikulasikan itu seperti tindakan dan interaksi, hubungan sosial, peserta (dengan kepercayaan; sikap, sejarah, dsb.), dan dunia materi. Di samping itu, wacana sebagai unsur amalan sosial pula wujud dalam tiga aspek besar, iaitu genre, wacana dan gaya. Genre merujuk kepada cara pengungkapan melalui lisan atau tulisan. Wacana di sini dilihat dalam dua makna, iaitu secara abstraknya bahasa dan jenis semiosis lain sebagai unsur kehidupan sosial, dan satu lagi cara tertentu merepresentasikan bahagian dunia. Dan, gaya pula sebagai aspek wacana yang merujuk kepada cara wacana itu diungkap sehingga menjadi sumber identiti diri tertentu.

Yang jelas model beliau hanya melibatkan aspek sosial, interaksi manusia sesama manusia dalam dunia yang materi

pula. Kalau ada asas yang merujuk kepada kepercayaan peserta, itu tidak dilihat sebagai yang dominan dan yang menjadi penentu jika dibandingkan dengan agama. Kepercayaan tersebut termasuklah yang diyakini tentang yang duniawi yang disebut fenomena alam di atas. Kerangka fikir beliau masih terpengaruh dengan aliran Marxis (Fairclough, 1995:17,75; 2003:45) dengan mengambil kira pandangan Gramsci dalam konsep hegemoni dan ideologi. Konsep hegemoni dan ideologi berkait rapat dengan konsep kuasa dan perubahan. Keempat-empat konsep tersebut diasaskan pada andaian wujudnya konflik antara kapitalisme dengan komunisme melalui kelompok sosial. Ini terungkap dalam wacana. Untuk menampung lompang ini, dicadangkan supaya ditambah satu lagi amalan, iaitu Amalan Agama semata-mata dengan mengambil kira mencari Melayu. Dimensi Amalan Agama bukan merujuk kepada kepercayaan tentang keyakinan sesuatu fenomena alam, termasuk konsep, proses dan produk. Tetapi, amalan agama merujuk kepada apa sahaja amalan yang diwahyukan melalui kitab, contoh rasul dan yang bersifat *amar makruf nahi mungkar*. Dalam hal ini, dibezakan ideologi dengan agama. Ideologi itu ciptaan manusia sedangkan agama diturunkan daripada Tuhan. Dalam kerangka ini, Islam diturunkan daripada Allah melalui rasul, dan rasul terakhir ialah Nabi Muhammad s.a.w. Kitab terakhir ialah al-Qur'an. Kuasa dalam Amalan Agama tidak dilihat mutlak. Tidak ada kuasa individu dan rakyat yang mutlak. Kuasa itu amanah. Hubungan kuasa yang ada sehingga seolah-olah wujud hegemoni, itu sekadar untuk menunaikan amanah demi memakmurkan bumi. Atau, dengan maksud yang lain, untuk keharmonian dan kedamaian hidup. Ini selaras dengan Surah Az-Zukhruf, ayat 32 yang bermaksud:

“ Apakah mereka hendak menentukan Tuhan engkau? Kami yang membagikan penghidupan di antara mereka dalam kehidupan dunia ini; dan Kami tinggikan sebagiannya dari yang lain beberapa tingkatan, supaya sebagiannya dapat bekerja untuk yang lain. Rahmat Tuhan engkau itu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan.”

(H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs., Tafsir Quran: 1991: 720)

Perubahan pula bukan sekadar merujuk kepada perubahan dominasi institusi dalam amalan diskursif dan sosial bahkan sebagai hasil usaha berterusan *amar maaruf nahi mungkar* sehingga mencapai mercu manusia yang sebaik-baik kejadian. Untuk itu, diajukan konsep Tatabahasa Wacana Mega.

Tatabahasa ini bersifat fungsional, bukan sekadar metafungsi ideasional, interpersonal dan tekstual bahkan berfungsi ibadah. Tingkat unsur linguistiknya yang setingginya melebihi wacana dan serendah-rendahnya di bawah fon. Asas penelitian bukan sekadar yang konkrit dan abstrak malah yang ghaib. Asas ilmu bantu bukan yang heuristik semata-mata bahkan meliputi ilmu wahyu dan laduni. Tatabahasa ini merupakan subidang dalam Teori Bertanda Atqakum. Demikian luasnya cakupannya, tatabahasa ini berupaya menolak gagasan kebebasan berkarya, *poetic license*.

RETORIK PALING LUAS

Retorik dalam tradisi klasik dilihat sebagai bidang seni sedangkan dalam konsep modennya dikatakan bidang saintifik. Namun, retorik sebagai bidang ilmu perlu ditakrif semula sebagai bidang ilmu yang bermartabat, iaitu sebagai seni jika dirasai kehalusannya sehingga menusuk kalbu, meleraikan yang kusut dan mencerahkan yang benar. Tidak timbul retorik seperti dalam penggunaan umum yang mempunyai konotasi yang kurang baik. Perkataan retorik ini dikaitkan dengan ungkapan 'cakap tak serupa bikin'. Dan, memang pun terdapat definisi retorik oleh Thomas De Quincey yang antara lain, menyebut untuk tujuan penipuan seperti dalam petikan di bawah:

"...; the other applies itself more specifically to a definite purpose of utility, viz. fraud."

(Covino, W.A dan Jolliffe, D.A. 1995:3)

Kesaintifikan retorik moden perlu disendikan dengan matlamat untuk beribadah. Asas pengungkapan yang pelbagai untuk mendapatkan kesan semata-mata perlu ada sempadan. Ertinya di sini konsep itu mesti dikaitkan dengan konsep *liyubayyina* yang beradab dan berakhlak. Tidak cukup dengan retor contoh sebagai yang tertinggi inteleknnya seperti dalam gagasan etos Aristotle. Etos retor contoh perlu merujuk kepada tunjuk ajar wahyu seperti dalam surah Al-Ahzab (33), ayat 21 dan surah Al-Qalam (68), ayat 4 seperti maksud yang berikut:

"Dan sesungguhnya Rasul Allah itu menjadi ikutan (teladan) yang baik untuk kamu dan untuk orang yang"

*mengharapkan menemui Allah dan hari
kemudian dan yang mengingat Allah
sebanyak-banyaknya. "*

(H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs., Tafsir Quran: 1991: 610)

*" Dan engkau sesungguhnya
mempunyai budi pekerti yang tinggi. "*

(H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.,
Tafsir Quran: 1991: 845)

Etos retor contoh dalam ayat tersebut merujuk kepada Rasulullah, nabi terakhir. Sunah baginda menjadi ikutan kita. Baginda mengasihi semua. Oleh itu, baginda dikasihi. Dalam semua tindak-tanduk kita, bermula dengan niat. Dan niat itu di dalam hati. Jika hati rosak, rosaklah badan. Oleh itu, niat menjadi teras kepada amal. Retorik yang mengambil kira imput yang telah dinyatakan tersebut dipanggil retorik paling luas. Di sini Melayu dapat ditemui dalam seni ungkap yang berkesan lagi beradab melalui kudrat bahasa dengan etos yang berniat penuh mengabdikan.

SEMIOTIK PALING LUAS

Bahasa Melayu sebagai sistem tanda Melayu tidak sekadar semiotik yang dikonsepsikan oleh Saussure dan Peirce (Chandler, 2002). Sistem ini menolak konsep kearbitrarian yang terdapat dalam Model Diadik Saussure dan Triadik Peirce. Seluruh persoalan penolakan kearbitrarian itu dapat dibahaskan dari segi semiotik sendiri, iaitu hujah aqli dan hujah naqli. Hujah aqli merujuk kepada urutan bertingkat daripada entiti yang konkrit kepada entiti yang abstrak. Oleh itu, fenomena pelbagai lambang dengan makna yang sama

atau manifestasi lambang itu sendiri bukan sebab arbitrarinya tetapi abstraknya. Dan hujah naqli pula dapat disendikan dengan surah Ar-Rum dan Al-Hujurat di atas, iaitu sebagai tanda kemahabesaran Allah dan untuk kita mengenali buat lebih bertaqwa. Di sini digagaskan fitur konkrit, abstrak dan ghaib sesuatu referen. Alam yang diliputi menjangkau alam akhirat. Ini menolak saranan Peirce tentang penolakan Tuhan. Demikian juga tentang kemutlakan kebenaran signifikasi dalam triadiknya. Kebenaran tersebut masih relatif dan perlu disampaikan dengan kebenaran wahyu. Dibayangkan di sini akan keperluan kepada Semiotik Paling Luas yang mengambil kira keserasian model tersebut dengan usaha mencari Melayu melalui sistem tandanya, iaitu bahasa itu anugerah Allah, fitrah sifatnya dan sebagai tanda kemahabesaran-Nya.

KESANTUNAN PALING LUAS

Konsep kesantunan Melayu tidak sama dengan kesantunan (Brown,P. dan Levinson, S.C., 1987). Manusia contoh mereka berbeza. Jika manusia contoh mereka orang biasa, manusia contoh kita Rasulullah. Lihat surah Al-Ahzab (33),ayat 21 dan surah Al-Qalam (68), ayat 4 di atas. Demikian juga dengan asas kesantunan mereka yang merujuk kepada menjaga 'muka' dan strategi yang bersifat interaksional. Sedangkan kita bukan sahaja menjaga kehendak peserta yang dilawan bicara bahkan perlu mengambil kira tuntutan agama bahawa kita diawasi. Ini dapat dikaitkan dengan surah Yasin (36), ayat 65 dan surah Qaf (50), ayat 16 yang bermaksud berikut:

“ Pada hari itu, Kami tutup mulut mereka, tetapi tangan mereka berkata kepada Kami dan kaki mereka menjadi saksi terhadap apa yang telah mereka perbuat. ”

(H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.,
Tafsir Quran: 1991: 646)

“ Dan sesungguhnya Kami menciptakan manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya. Dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya sendiri. ”

(H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.,
Tafsir Quran: 1991: 763)

Kehendak wahyu perlu mengatasi kehendak peserta lawan bicara. Malah, dalam hal ini dikira santun walaupun tidak disenangainya asalkan itu ada hubungan dengan *amar maaruf nahi mungkar* dengan niat beriman kerana Allah seperti dalam surah Ali'Imran (3), ayat 104 dan 110 yang bermaksud berikut:

“ Adakanlah di antara kamu ummat yang mengajak kepada kebaikan, menyuruh mengerjakan yang benar dan melarang membuat yang salah. Mereka itulah orang yang beruntung (menang). ”

(H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.,
Tafsir Quran: 1991: 86)

“ Kamu adalah ummat yang paling baik yang dilahirkan untuk

kepentingan manusia, menyuruh mengerjakan yang benar dan melarang membuat yang salah, serta beriman kepada Allah. ...”

(H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs.,
Tafsir Quran: 1991: 87)

Kesantunan Paling Luas dianjurkan dalam hal ini kerana persoalan di atas. Mencari Melayu dalam kesantunan bukan menanam tebu dibibir sehingga bibir Melayu besar seumpama batas! Melayu terdapat dalam keluhuran budi dan akhlak dan nilai wahyu menjadi sumbernya.

PENUTUP

Kertas ini menunjukkan keperluan kepada alternatif di atas yang berasaskan mencari Melayu yang bertautkan agama Islam. Melayu itu Islam. Melayu terhutang budi kepada Islam demi kelangsungan Melayu itu sendiri sebagai pentakrif dan penyumbang jagat ini.

BIBLIOGRAFI

- Brown, P. dan Levinson, S.C., Politeness: Some universals in language usage, Cambridge University Press, Cambridge. 1987.
- Chandler, D., Semiotics: The Basics, Routledge, London. 2002.
- Covino, W>A. dan Jolliffe, D.A., Rhetoric: Concepts, Definitions, Boundaries, Allyn dan Bacon, Massachusetts. 1995.

- Fairclough, N., Discourse and Social Change, Polity Press, Cambridge. 1992.
- Fairclough, N., Critical Discourse Analysis, Longman, London. 1995.
- Fairclough, N., Language and Power, Edisi Kedua, Longman, London. 2001.
- Fairclough, N., Analysing Discourse, Routledge, London. 2003.
- H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs., Tafsir Quran, Cetakan Keempat, Klang, Book Centre, Klang. 1991.
- Sanat Md. Nasir, " Konsep Penting Dalam Pengajian Bahasa Melayu " dalam Pengajian Bahasa Melayu Memasuki Alaf Baru, Sanat Md. Nasir dan Rogayah A. Razak (ed.), Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur. 1998.
- Sanat Md. Nasir, Tautan Dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 2002.
- Sanat Md. Nasir, " 'Teori' Atqakum Dalam Pemikiran Pengajian Bahasa Melayu", Hashim Musa (ed.), Bahasa Dan Pemikiran Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur. 2005a.
- Sanat Md. Nasir, " Ucapan Bajet 2006 oleh Perdana Menteri Malaysia: Analisis Wacana Kritis Plus dalam Perbandingan", dlm. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 16, hlm. 218 - 240, 2005b.